

**Masyarakat Pekan Ikrar Terus Beri Sokongan Padu Kepada PM
Bernama
19 April, 2013**

KUANTAN, 19 April (Bernama) -- Masyarakat Pekan berikrar akan terus memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak serta memastikan beliau memperoleh majoriti besar pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Rata-rata masyarakat di kawasan kelahiran Perdana Menteri keenam Malaysia itu melahirkan sokongan taat setia kepada Najib yang dianggap sebagai pemimpin berjiwa rakyat selaras dengan moto perjuangan beliau 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) Perumahan 1Komuniti Pulau Serai Mustafa Kamal Abdul Latif, 58, menyifatkan Najib sebagai anak tempatan yang setia dan tidak lupa diri.

Beliau berkata masyarakat Pekan sentiasa mengalu-alukan kedatangan Najib setiap kali beliau mengadakan program turun padang menjenguk rakyat di Parlimen itu.

Katanya beliau sendiri sebagai anak jati Pekan menyaksikan pembangunan yang telah dilaksanakan Najib sehinggalah Pekan kini mempunyai pelbagai kemudahan dan menawarkan banyak peluang pekerjaan.

"Rakyat berpuas hati serta suka melihat pembangunan yang memberi manfaat kepada mereka.

"Jalan raya luas, institusi pendidikan banyak serta kilang-kilang juga turut menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Saya terharu dengan keprihatinan Perdana Menteri dalam mengutamakan kebajikan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah," katanya kepada Bernama di sini Jumaat.

Dalam pada itu, Mustafa Kamal menyeru masyarakat setempat agar tidak berganjak daripada pilihan mereka untuk memberi mandat seterusnya kepada Perdana Menteri pada PRU13.

Anak muda kurang upaya, Mohd Nor Hakimi Hussin pula menyimpan hasrat ingin bertemu sekali lagi dengan Perdana Menteri kerana beliau menganggap Najib sebagai idola beliau.

Katanya kali terakhir Najib berkunjung ke rumah beliau pada Hari Raya tahun lepas.

"Saya sukakan Perdana Menteri. Dia idola saya. Dia banyak bantu saya dan keluarga dengan menyediakan rumah dan bagi banyak kemudahan lain," kata anak muda berusia 22 tahun itu.

Sambil menitikkan airmata, Mohd Nor Hakimi yang hilang kedua-dua belah kaki akibat penyakit tulang sejak tujuh tahun lepas melahirkan rasa terima kasih tidak terhingga kepada Najib yang sentiasa prihatin dengan golongan seperti beliau.

Sementara itu, ibunya, Rahani Rendang, 56, juga berharap agar Najib dapat menunaikan hasrat anaknya itu untuk berjumpa Perdana Menteri sekiranya beliau pulang ke Pekan.

Ibu kepada lima anak itu turut meletak harapan tinggi kepada Perdana Menteri agar beliau terus meneraju negara ini pada masa akan datang kerana Perdana Menteri banyak berbakti kepada masyarakat kurang berkemampuan seperti beliau.

"Saya tinggal di rumah ini, dapat percuma. Kerajaan banyak bantu, anak saya dapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat RM300 sebulan manakala saya pula dapat RM300 sebulan daripada Majlis Ugama Islam Pahang. Syukur sangat," kata ibu tunggal itu.

"Saya tinggal di rumah ini, dapat percuma. Kerajaan banyak bantu, anak saya dapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat RM300 sebulan manakala saya pula dapat RM300 sebulan daripada Majlis Ugama Islam Pahang. Syukur sangat," kata ibu tunggal itu.

Anggota Jentera Wanita Umno bahagian Pekan, Rahim Abas, 58, berkata semangat juang beliau untuk menyokong Najib tidak pernah luntur malah semakin bertambah dari hari ke hari.

"Besar harapan saya untuk melihat beliau terus menjadi Perdana Menteri dan wakil kami di sini," katanya.

Najib menjadi anggota Parlimen Pekan pada 1976 selepas bapanya, Perdana Menteri kedua dan anggota Parlimen Pekan, Tun Abdul Razak Hussein meninggal dunia.

Sejak itu Najib kekal menjadi wakil rakyat kawasan itu kecuali semasa beliau menjadi Menteri Besar Pahang antara 1982 dan 1986.

Ketika itu beliau mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri Bandar Pekan.

Pada PRU12, Pekan telah mencatat majoriti paling tinggi iaitu lebih 26,000 undi di mana Perdana Menteri menentang calon Pakatan Rakyat Khairul Anuar Ahmad Zainudin.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943516>